

09/08/2003

MAM sokong syor AIM bantu mangsa HIV/Aids

KUALA LUMPUR : Majlis Aids Malaysia (MAM) menyambut baik cadangan supaya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) membantu mereka yang dijangkiti HIV/Aids menerusi bantuan kewangan untuk sara hidup.

Presiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata bantuan itu bukan saja dapat dimanfaatkan kepada pesakit, tetapi menjadikan masa depan keluarga mereka lebih terjamin.

"Kebanyakan pesakit Aids memerlukan bantuan kewangan bukan saja untuk menanggung kos rawatan dan perubatan, tetapi juga menyara hidup keluarga mereka.

"Sesetengah mereka tidak mempunyai pendapatan yang baik dan pinjaman itu dapat digunakan ahli keluarga untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan," katanya di sini, semalam.

Marina berkata demikian mengulas cadangan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali kelmarin supaya AIM melebarkan sayapnya bagi membantu kumpulan yang lebih memerlukan bantuan kewangan termasuk mereka yang dijangkiti HIV/Aids.

Ibu tunggal juga perlu diberikan perhatian oleh AIM yang berjaya melaksanakan program membasmi kemiskinan bagi membantu rakyat negara ini.

Marina berkata, setakat ini MAM turut membantu beberapa pesakit Aids dengan menyediakan pinjaman kewangan bagi meningkatkan taraf hidup mereka termasuk kepada bekas keluarga mangsa.